

18/11/1997

Jadikan perpaduan agenda utama

PASIR MAS, Isnin - Pas perlu mengetepikan kepentingan politik dan meletakkan perpaduan sebagai agenda utama dalam menyatakan sokongan terhadap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Ibrahim Ali, berkata sikap segelintir pemimpin parti itu yang bermuka-muka juga harus dikikis bagi mengelak berlaku kekeliruan di kalangan rakyat mengenai keadaan sebenarnya.

Beliau berkata, sokongan terbuka Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, terhadap kepimpinan Dr Mahathir wajar dicontohi oleh pemimpin Pas lain pada ketika pihak luar mendesak Perdana Menteri meletak jawatan.

"Dalam keadaan negara menghadapi ancaman luar dari segi ekonomi, kita minta semua pihak, terutama Pas, agar memberi sokongan yang benar-benar ikhlas dan bukan sekadar membuat kenyataan menerusi media," katanya.

(END)